

24/02/2003

Barat sengaja jadikan Islam sasaran: Dr M

BARAT terbukti menjadikan umat Islam sebagai sasaran apabila berkeras mahu menyerang Iraq, tetapi berlembut dengan Korea Utara yang mengaku memiliki senjata pemusnah dan membiarkan Israel terus bermaharajalela di bumi Palestin.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan demikian ketika berucap merasmikan Forum Perniagaan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di Sunway Lagoon Resort, semalam.

Perdana Menteri berkata, sikap Barat itu jelas bukan kerana kebimbangan mereka mengenai pemilikan senjata pemusnah oleh negara yang kononnya penyangak.

Sehubungan itu, menurut beliau, serangan terhadap Iraq nanti pasti mencetuskan lagi kemarahan seluruh dunia Islam yang melihat tindakan itu sebagai anti-Islam, bukannya perang terhadap keganasan.

Katanya, dunia kini bukan setakat diselubungi ketakutan, malah sudah agak paranoid. Ramai yang takut untuk terbang, pergi ke negara tertentu dan bimbangkan orang tertentu.

"Kita takut serbuk putih, kasut, peralatan kutleri di dalam pesawat. Baru-baru ini, sebuah lapangan terbang di Australia terpaksa dikosongkan kerana bau kuat keenakan buah-buahan Malaysia.

"Kita takut kepada orang Islam, orang Arab, orang berjambang. Kita takut kepada peperangan dan gangguan yang boleh berlaku dan ketidaktentuan. Semua ini tidak baik untuk perniagaan, semuanya meningkatkan kos menjalankan perniagaan. Kita tidak tahu berapa lama kita kekal dalam keadaan ketakutan," katanya.

Hadir sama pada forum yang dihadiri lebih 1,000 perwakilan negara NAM itu ialah Presiden Afrika Selatan, Thabo M Mbeki; Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri dan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.

Forum dua hari itu membincangkan isu kritikal berkaitan hubungan ekonomi di kalangan 114 negara anggota NAM dan juga untuk mencari jalan ke arah pembentukan usaha sama di kalangan negara Selatan-Selatan.

Dr Mahathir, yang mula mempengerusikan Sidang Kemuncak NAM hari ini berkata, dunia menjadi kacau-bilau selepas serangan 11 September dan Israel pula mengambil kesempatan daripada peristiwa itu sebagai alasan untuk menyerang rakyat Palestin.

"Hasilnya seperti dijangka. Setiap kali Israel menyerang, rakyat Palestin bertindak balas. Kemudian Israel bertindak balas, yang kemudian menarik tindakan balas oleh Palestin. Ini bukan saja tidak mengakhiri isu itu, tetapi tindakan keganasan meningkat dan merebak di beberapa negara lain," katanya.

Beliau berkata, usaha menentang pegganas global tidak seperti peperangan konvensional terhadap sebuah negara di mana negara itu boleh dikalahkan sehingga ia menyerah, menandatangani perjanjian dan menamatkan perang.

Bagaimanapun, katanya, pegganas global bukan milik mana-mana negara. Walaupun ketua mereka menyerah, tidak ada jaminan bahawa ketua lain tidak akan muncul atau pengikutnya dan rekrut baru tidak meneruskan serangan keganasan mereka.

"Inilah persekitaran yang dihadapi masyarakat perniagaan sekarang dan ia amat menyukarkan kerana keadaan sudah tidak lagi seperti sebelum serangan 11 September 2001.

"Mereka mungkin menjadi biasa dengan keadaan itu dan jika tidak belajar

mengenai bagaimana mengendalikan persekitaran perniagaan yang teruk seperti itu, keadaan boleh menjadi lebih buruk lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata, NAM sebenarnya adalah sebuah forum perundingan bagi negara membangun untuk menyelaraskan pendirian atas isu politik dan ekonomi semasa yang genting.

NAM adalah satu-satunya forum di mana ketua negara dan kerajaan Selatan bertemu bagi mengkaji perkembangan yang memberi kesan kepada semua negara anggota.

Oleh itu, katanya, NAM bagi pihak negara Selatan, akan terus memperjuangkan keadilan sebuah orde dunia baru berasaskan prinsip keadilan, persamaan dan demokrasi di dalam hubungan antarabangsa.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan NAM, sebelum negara Selatan dapat menuntut dipertimbangkan secara bersama dan sebagai satu pihak dalam senario antarabangsa, ia mesti menyelesaikan kelemahannya sendiri.

"Perbezaan etnik, puak dan keagamaan dan konfrontasi bersenjata mesti diselesaikan. Negara anggota NAM juga perlu merapatkan barisan dan mengambil pendirian bersama bagi melindungi diri masing-masing daripada dominasi sekumpulan kecil negara lain," katanya.

Beliau berkata, cabaran asas yang perlu dihadapi oleh pergerakan yang mempunyai 114 anggota itu ialah untuk menangani masalah dominasi oleh sekumpulan kecil negara berkenaan.

"Kita sudah kehilangan pilihan untuk berpaling ke pihak yang satu lagi. Satu-satunya cara kita boleh melindungi diri kita ialah secara merapatkan barisan dan mengambil pendirian bersama.

"Dominasi negara itu dapat dilihat daripada kawalan mereka ke atas media antarabangsa dan institusi yang berurusan dengan keselamatan dunia dan isu ekonomi.

"Institusi Majlis Keselamatan dan Bretton Woods kekal di dalam genggaman kuat beberapa negara. Dominasi itu kini melangkaui hingga memaksa nilai dan piawai tanpa mengambil kira langsung budaya dan tradisi orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, NAM diwujudkan ketika perang dingin oleh negara membangun untuk menjadi kuasa ketiga antara dua blok kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan bekas Soviet Union.

Oleh itu, beliau meminta 114 negara NAM menghantar pesanan jelas kepada pihak yang memperkecilkan mereka bahawa NAM masih relevan dan ingin mengambil tanggungjawab lebih besar di dalam era selepas perang dingin ini.